

—Elak dari terus terbenam dalam kemunduran

# Negara membangun di Selatan perlu bergerak ke depan — Dr. M

- Overseas News

4 AUG 1990

CARACAS 3 Ogos — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan negara - negara membangun di Selatan tentang betapa pentingnya mereka sekarang diberi perhatian, didengar, difahami dan diberi peluang untuk bergerak ke hadapan bagi menangkis bahaya kemungkinan mereka terus terbenam dalam kemiskinan dan kemunduran.

Perdana Menteri berkata, negara - negara dunia ketiga yang mewakili lebih dua pertiga daripada penduduk dunia sejagat kini menghadapi bahaya diselubungi oleh tabir kejahilan, pandangan serong dan sikap tidak endah terhadap nasib masa depan mereka oleh negara - negara maju di Utara.

Inilah yang disifatkan oleh Perdana Menteri sebagai bahaya yang lebih besar menggantikan sikap permusuhan, kebencian dan prejudis di sebalik tabir besi yang memisahkan Timur dan Barat selama ini.

"Bahaya ini akan menjadi kebanyakan negara di Selatan hanya dilupai begitu sahaja, ditinggalkan di dalam bayangan hitam kemiskinan dan kemunduran manakala arus kemajuan dunia bergerak pantas di sekeliling.

"Kerana itulah saat sekarang ini menjadi lebih penting daripada masa lalu bagi negara - negara Selatan diberi perhatian, didengar, difahami dan diberi peluang untuk bergerak ke hadapan," ujar beliau ketika berucap di majlis pelancaran laporan akhir Suruhanjaya Selatan di sini pagi ini.

Upacara itu merupakan kemuncak kepada usaha gigih selama empat tahun oleh Suruhanjaya Selatan yang bermula di Kuala Lumpur dalam tahun 1986. Perdana Menteri telah diberi penghormatan berucap di majlis itu sebagai tanda penghargaan dunia



Daripada  
Sirajuddin Rafia

ketiga terhadap jasa beliau yang dianggap sebagai penggerak utama mengilhamkan gerakan Selatan - Selatan.

Para hadirin termasuk menteri - menteri luar dari negara - negara Kumpulan 15 memberi sambutan hebat terhadap pandangan Perdana Menteri itu yang sebagai amat bernas dan berpandangan jauh merangkumi suatu analisis yang jujur terhadap cabaran - cabaran masa depan dunia ketiga dan langkah - langkah perlu untuk menghadapinya.

Perdana Menteri berkata, konflik Timur - Barat atau lebih dikenali dengan panggilan *The Great East-West Conflict* yang membahagikan dunia dengan sikap permusuhan kebencian dan prejudis kini sudah berakhir. Bagaimanapun, menurut beliau, kini ramai yang bimbang tentang kemungkinan ia akan digantikan pula dengan *The Great North-South Conflict* atau konflik Utara-Selatan yang sama hebatnya.

"Tetapi saya tidak berpendapat demikian kerana konflik menjadi hebat hanya apabila kekuatan bertentangan dengan kekuatan dan kuasa bertentangan dengan kuasa. Ini bukan realiti bagi Utara - Selatan," ujar beliau.

Kerana itulah Perdana Menteri berkata beliau berpegang teguh kepada falsafah realiti dalam hubungan Utara - Selatan.

"Kita mesti bergerak di atas asas realisme kerana tidak ada apa faedah yang akan diperolehi melalui sikap penentangan terhadap Utara," kata beliau.

Beliau menekankan bahawa negara - negara dunia ketiga yang kini sedang berusaha mengukuhkan hubungan kerjasama Selatan - Selatan sebenarnya bukan sekali - kali terdiri daripada kumpulan konspirasi terhadap Utara.

"Kami percaya kepada faedah menggemblengkan tenaga untuk mengambil kesempatan daripada potensi peningkatan kerjasama sesama sendiri sambil mencari jalan membuka dialog dengan Utara supaya diberi peluang untuk turut bersuara dalam urusan hal ehwal dunia yang menjadi milik bersama manusia sejagat," ujar beliau.

Perdana Menteri berkata, laporan akhir Suruhanjaya Selatan ini menandakan negara - negara Selatan telah bergerak selangkah lagi ke hadapan. Tetapi perjalanannya masih jauh dan beliau yakin ia akan dilalui dengan penuh kegigihan.

Malah, menurut beliau, Malaysia sudahpun membuktikan kesungguhannya dalam melaksanakan perakuan - perakuan suruhanjaya walaupun laporannya hanya baru dilancarkan hari ini. Antaranya ialah Sidang Kemuncak Kumpulan 15 di Kuala Lumpur baru - baru ini yang jelas memenuhi kehendak suruhanjaya itu supaya ketua - ketua kerajaan mengadakan rundingan dari masa ke masa untuk mengeratkan hubungan kerjasama. Kemuncak akan datang akan diadakan di Caracas tahun depan.